

Warga emas curi komputer riba dipenjara lima bulan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 62 tahun dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencuri sebuah komputer riba yang diletakkan di dalam sebuah kenderaan.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Ng Heng Nguan selepas tertuduh membuat pengakuan bersalah

atas pertuduhan mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Bagi kesalahan di bawah seksyen berkenaan, sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan berikutnya, tertuduh boleh dihukum penjara, atau denda, atau sebatan.

Kesalahan itu dilakukan di luar sebuah rumah di Taman

Major, Jalan Sherip Masahor, di sini, kira-kira jam 8.33 malam pada 23 Disember tahun lalu.

Berdasarkan fakta kes, seorang wanita membuat laporan polis selepas mendapati komputer riba milik syarikat yang ditinggalkan di dalam keretanya hilang dan mengesyaki ia telah dicuri.

Hasil siasatan polis membawa kepada penahanan tertuduh, yang kemudiannya menyerahkan komputer riba

berserta begnya kepada pihak berkuasa.

Rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) kemudiannya menunjukkan tertuduh berada berhampiran kenderaan pengadu pada waktu kejadian.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.